Tetuan Kumar Jaspal Quah & Aishah lwn Far Legion Sdn Bhd dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN NO D3-22-1028 TAHUN 2001
ZULKEFLI H
15 APRIL 2003

Acara Sivil *— Penghakiman terus — Rayuan — Permohonan oleh plaintif untuk memasuki penghakiman terus terhadap anakguam berhubung nota yuran yang tidak berbayar — Sama ada nota yuran telah dihantar kepada anakguam — Percanggahan keterangan afidavit oleh plaintif tentang sama ada nota yuran telah dihantar kepada anakguam — Sama ada timbul persoalan yang perlu dibicarakan*

Profesyen Undang-Undang *— Saraan — Nota yuran — Permohonan oleh plaintif untuk memasuki penghakiman terus terhadap anakguam berhubung nota yuran yang tidak berbayar — Sama ada nota yuran telah dihantar kepada anakguam — Sama ada terdapat perjanjian antara plaintif dan anakguam*

Ini adalah satu rayuan oleh defendan pertama ('D1') kepada hakim dalam kamar terhadap keputusan timbalan pendaftar yang membenarkan permohonan plaintif untuk memasuki penghakiman terus terhadap D1 menurut A 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Tuntutan plaintif adalah berhubung yuran guaman dan wang pendahuluan berjumlah RM320,868.60 berdasarkan nota yuran plaintif bertarikh 4 April 1997 untuk perkhidmatan yang diberikan oleh plaintif dalam memperoleh satu injunksi mandatori untuk D1 dalam Guaman No D5-22-395 tahun 1996 ('guaman D5'). Menurut plaintif, yuran guaman tersebut telah dipersetujui oleh seorang bernama Dato' Peh Teck Quee ('Dato' Peh') bagi pihak D1 dan perkataan-perkataan 'agreed fees' telah ditulis di bahagian bawah nota yuran tersebut. Sebaliknya, D1 berhujah bahawa Dato' Peh bukan pengarahnya dan tidak diberikan kuasa oleh D1 untuk mempersetujui jumlah yuran guaman yang perlu dibayar oleh D1.

Diputuskan, membenarkan rayuan tersebut:

(1) Keterangan plaintif berkenaan dengan penyampaian nota yuran ini terhadap defendan pertama adalah bertentangan. Dalam affidavit plaintif yang diikrarkan pada 22 Oktober 2000 menyatakan bahawa nota yuran telah disampaikan kepada Dato' Peh. Manakala melalui afidavit lain yang diikrarkan bagi pihak plaintif menyatakan nota yuran tersebut telah diserahkan kepada pengarah D1, Teh Li Li. Oleh itu, atas imbangan kebarangkalian, mahkamah tidak boleh membuat penemuan bahawa nota yuran tersebut telah dihantar kepada defendan pertama oleh plaintif (lihat ms 99B–E).

(2) Plaintif telah memulakan satu tindakan terhadap Dato' Peh berdasarkan persetujuan beliau untuk membayar yuran guaman

berhubung guaman D5 dan prosiding terhadap Dato' Peh masih berterusan. Dalam tindakan semasa, plaintif juga memohon untuk mendapat yuran guaman berhubung guaman D5. Apa yang jelas adalah tindakan plaintif adalah satu penyalahgunaan proses mahkamah (lihat ms 100F, 101C).

(3) Berdasarkan keterangan D1, adalah jelas bahawa tiada perjanjian bertulis wujud di antara defendan pertama dan plaintif berkenaan dengan yuran yang dikatakan dipersetujui oleh kedua-dua pihak (lihat ms 101F); *Chamberlain v Booddle & King (a firm)* [1982] 3 All ER 188 diikut.

(4) Yuran guaman yang dikenakan oleh plaintif berhubung guaman D5 (termasuklah jumlah yang dituntut oleh plaintif dalam tindakan ini) berjumlah RM847,834.60. Sekiranya memang terdapat perjanjian yuran guaman di antara defendan pertama dengan plaintif adalah pendapat saya bahawa amaun yang dituntut oleh plaintif di sini adalah terlalu eksesif dan langsung tidak berpatutan dengan perkhidmatan yang diberikan oleh plaintif dan berasaskan peruntukan s 118(3) Akta tersebut, mahkamah boleh memutuskan bahawa perjanjian yuran guaman tersebut adalah terbatal dan mengarahkan yuran guaman dicukaikan menurut kaedah-kaedah yang sedia ada (lihat ms 102B–D).

[English summary

This was an appeal by the first defendant ('D1') to the judge in chambers against the decision of the deputy registrar in allowing the plaintiff's application to enter summary judgment against D1 pursuant to O 14 of the Rules of the High Court 1980. The plaintiff's claim was in respect of legal fees and disbursements of RM320,868.60 based on the plaintiff's bill of costs dated 4 April 1997 for services rendered by the plaintiff in obtaining a mandatory injunction for D1 in Suit No D5-22-395 of 1996 ('D5 suit'). Accordingly to the plaintiff, the legal fees were agreed to by one Dato' Peh Teck Quee ('Dato' Peh') on D1's behalf and the words 'agreed fees' were written at the foot of the bill of costs. On the other hand, D1 contended that Dato' Peh was not its director and had not been authorized by D1 to agree to amount of legal fees payable by D1.

Held, allowing the appeal:

(1) The plaintiff's evidence in respect of the delivery of the bill of costs to D1 was contradictory. In an affidavit affirmed on the plaintiff's behalf on 22 November 2000, it was stated that the bills of costs had been delivered to Dato' Peh. On the other hand, in another affidavit affirmed on the plaintiff's behalf, the deponent stated that the bill of costs was delivered to D1's director, Teh Li Li. As such, on a balance of probability, the court was not able to

A make a finding that the bill of costs had been delivered to D1 by the plaintiff. Accordingly, this issue was not one that could be determined through affidavit evidence but should be tried (see p 99B–E).

(2) The plaintiff had commenced an action against Dato' Peh based on the latter's undertaking to pay the plaintiff's legal fees in respect of the D5 suit and the proceedings against Dato' Peh were still ongoing. In the instant action, the plaintiff too sought to recover the legal fees in respect of the D5 suit. Clearly, the plaintiff's action amounted to an abuse of the process of court (see pp 100E, 101C).

C (3) Based on D1's evidence, it was clear that there was no written agreement between D1 and the plaintiff regarding the alleged legal fees agreed by both parties (see p 101F); *Chamberlain v Booddle & King (a firm)* [1982] 3 All ER 188 followed.

D (4) The legal fees imposed by the plaintiff in respect of the D5 suit (including the amount claimed by the plaintiff in this action) totalled RM847,834.60. Even if there were a written agreement between D1 and the plaintiff, the amount claimed by the plaintiff was excessive and inappropriate in view of the services rendered by the plaintiff and based on s 118(3) of the Legal Profession Act 1976, the court was empowered to declare the written agreement E (if it existed) as null and void and order that the legal fees be taxed under the relevant rules (see p 102B–D).]

Nota-nota

F Untuk kes-kes mengenai nota yuran, lihat 9 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1999 Reissue) perenggan-perenggan 1844–1851.

Untuk kes-kes mengenai rayuan, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan-perenggan 5726–5775.

Kes-kes yang dirujuk

G *Chamberlain v Boodle & King (a firm)* [1982] 3 All ER 188 (diikut)

Yau Jiok Hua v Sykt Kilang Batu-Bata Chip Siah Sdn Bhd [1998] 3 MLJ 753 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

H Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 14

Akta Profesyen Undang-Undang 1976 ss 116(2), 118(1), (3), 124(1), 126(1), 128(2)

HM Ong (*Kumar Jaspal Quah & Aishah*) bagi pihak responden/plaintif.

Ramesh Kanapathy (*Chellam Wong*) bagi pihak perayu/defendan pertama. I

Zulkefli H: Ini adalah rayuan defendan pertama kepada hakim dalam kamar terhadap keputusan timbalan pendaftar yang membenarkan

permohonan plaintif untuk suatu penghakiman terus tuntutannya dimasukkan terhadap defendan pertama di bawah A 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'). A

FAKTA-FAKTA DAN LATARBELAKANG KES

Tuntutan plaintif terhadap defendan pertama dalam kes ini adalah untuk bayaran yuran guaman serta perbelanjaan sampingan berjumlah RM320,868.60 berasaskan nota yuran ('bill of costs') plaintif bertarikh 4 April 1997. Plaintif telah bertindak bagi pihak defendan pertama dalam Guaman No D5–22–395–1996 ('guaman tersebut'). Menurut plaintif yuran guaman. ini adalah dipersetujui oleh seorang bernama Dato' Peh Teck Quee dan ianya adalah untuk perkhidmatan plaintif setakat memperolehi satu injunksi mandatori bagi pihak defendan pertama. Plaintif juga telah memfailkan satu lagi guaman iaitu Guaman No D6–22–1405–2000 ('guaman D6') terhadap Dato' Peh Teck Quee untuk menuntut yuran guaman yang sama berasaskan nota yuran yang sama. Plaintif seterusnya pada 7 Jun 2001 telah mengeluarkan satu lagi nota yurannya bertarikh 7 Jun 2001 berjumlah RM526,966 terhadap defendan pertama yang menurut plaintif adalah nota yuran terakhir bagi perkhidmatan mereka dalam guaman tersebut. B C D

Plaintif telah memfailkan guaman ini dan guaman S3–22–828–2001 ('guaman S3') terhadap defendan pertama untuk menuntut RM320,868.60 dan RM526,966 masing-masing. Permohonan plaintif untuk penghakiman terus dalam guaman S3 telahpun ditolak oleh penolong kanan pendaftar dan baru-baru ini rayuan plaintif kepada hakim dalam kamar terhadap keputusan penolong kanan pendaftar tersebut juga telah ditolak. E F

KEPUTUSAN MAHKAMAH

Setelah mengkaji afidavit-afidavit yang difailkan oleh pihak plaintif dan defendan dan setelah mengkaji hujah-hujah peguam plaintif dan peguam defendan pertama, saya membenarkan rayuan defendan pertama dengan kos. Keputusan timbalan pendaftar yang membenarkan permohonan plaintif untuk memasukkan penghakiman terus tuntutannya terhadap defendan pertama adalah dengan ini diketepikan. Berikut adalah alasan-alasan saya membenarkan rayuan defendan pertama: G

Isu penyampaian nota yuran plaintif bertarikh 4 April 1997 kepada defendan pertama di bawah s 124 Akta Profesion Undang-Undang 1976 H

Menurut s 124(1) Akta Profesyen Undang-Undang 1976 ('Akta tersebut') seseorang peguamcara tidak boleh membawa tindakan guaman untuk mendapatkan kos mereka sehingga berakhirnya satu bulan dari tarikh penyampaian bil tersebut kepada anakguamya. Penyampaian nota yuran kepada anakguam adalah satu pra syarat yang perlu dipenuhi sebelum seseorang peguam atau firma peguam boleh memulakan tindakan terhadap I

anakguam untuk yuran guaman (sila lihat kes *Yau Jiok Hua v Sykt Kilang Batu-Bata Chip Siah Sdn Bhd* [1998] 3 MLJ 753).

Tindakan plaintif di sini adalah berasaskan nota yuran mereka bertarikh 4 April 1997. Menurat plaintif nota yuran tersebut telah diserahkan kepada seorang bernama Teh Li Li, pengarah defendan pertama secara persendirian pada tarikh yang sama. Walau bagaimanapun defendan pertama dengan tegas menafikan penyampaian dan penerimaan nota yuran ini (sila rujuk perenggan 6 afidavit jawapan defendan pertama yang diikrarkan oleh Teh Li Li). Saya mendapati keterangan plaintif berkenaan dengan penyampaian nota yuran ini terhadap defendan pertama adalah bertentangan dengan satu sama lain. Ianya boleh dihuraikan lebih jelas dengan merujuk kepada surat plaintif bertarikh 22 November 2000 (sila rujuk eksh KJQA-6 dalam affidavit plaintif yang diikrarkan pada 22 Oktober 2000) menyatakan bahawa nota yuran bertarikh 4 April 1997 itu telah disampaikan kepada Dato' Peh Teck Quee. Manakala plaintif melalui afidavit mereka yang diikrarkan oleh Ong Hui Meng pada 17 Ogos 2001 (sila rujuk eksh KJQA-3 dalam afidavit jawapan plaintif bertarikh 17 Ogos 2001) pada perenggan 3, menyatakan nota yuran tersebut telah diserahkan kepada Teh Li Li.

Apa yang jelas daripada pernyataan-pernyataan di atas adalah keterangan yang dikemukakan oleh plaintif sendiri adalah amat mengelirukan dan berasaskan keterangan begini mahkamah ini sudah tentu tidak boleh memutuskan atas imbangan kebarangkalian bahawa nota yuran tersebut telah dihantar kepada defendan pertama dan diterima olehnya. Lebih-lebih lagi apabila defendan pertama menafikan penerimaannya nota yuran tersebut. Mahkamah perlu bertindak secara cermat dalam menangani isu ini memandangkan keputusan mahkamah ini akan menentukan sama ada defendan pertama berhak untuk mencukai bil plaintif atau terus dikehendaki membayar amaun yang didakwa oleh defendan pertama terlalu eksesif ditetapkan oleh plaintif. Plaintif telah menyatakan bil itu telah disampaikan kepada defendan pertama lebih kurang lima tahun yang lalu tetapi jelas sekali tiada permohonan untuk mencukai nota yuran tersebut dibuat oleh defendan pertama.

Menurut s 126(1) Akta tersebut seseorang anakguam hendaklah membuat permohonan untuk mencukai dalam tempoh enam bulan dari tarikh penyampaian nota yuran tersebut. Manakala menurut s 128 Akta tersebut pula menyatakan bahawa permohonan untuk mencukai nota yuran selepas enam bulan dari tarikh penyampaian hanya boleh dibuat dengan menunjukkan keadaan-keadaan khas. Namun begitu menurut s 128(2) Akta tersebut pula, tiada permohonan boleh dibuat untuk pencukaian nota yuran dalam apa-apa keadaan selepas berakhimya satu tahun dari tarikh penyanpaian nota yuran tersebut.

Oleh yang demikian, adalah suatu keperluan bahawa mahkamah ini haruslah benar-benar berpuas hati dengan keterangan mengenai penyampaian nota yuran plaintif tersebut sebelum membuat keputusan berkenaan isu ini memandangkan peruntukan-peruntukan spesifik yang dinyatakan dalam akta tersebut. Saya tidak dapat menerima hujah peguam

plaintif bahawa defendan pertama sedar atau mempunyai pengetahuan berkenaan nota yuran plaintif. Adalah jelas peruntukan s 124(1) Akta tersebut menghendaki penyampaian secara fizikal nota yuran kepada anakguaman. Tujuan sebenar s 124 Akta tersebut yang menghendaki seseorang peguamcara menyampaikan secara fizikal nota yuran guaman kepada anakguamnya adalah untuk membolehkan anakguam tersebut dapat mengetahui dengan terperinci butir-butir perkhidmatan yang telah diberikan oleh peguamcaranya serta amaun yang dikenakan bagi perkhidmatan tersebut. Penyampaian nota yuran secara fizikal kepada anakguamnya juga membolehkan anakguam tersebut membuat penilaian secara sendiri atau melalui nasihat profesional samada yuran yang dikenakan oleh seseorang peguamcara itu adalah sejajar dengan perkhidmatan yang telah diberikan oleh peguamcara tersebut dan sekiranya anakguam tersebut tidak berpuas hati dengan yuran yang dikenakan beliau boleh merujuk yuran tersebut untuk ditaksirkan oleh mahkamah.

Saya juga mendapati tindakan plaintif sendiri jelas menunjukkan bahawa isu ini harus diperbicarakan. Apa yang telah dilakukan oleh plaintif adalah mereka telah membuat satu permohonan dalam guaman D6 untuk memeriksa balas pengarah defendan pertama iaitu Teh Li Li berhubung dengan kenyataan dalarn afidavitnya untuk menentukan samada beliau menerima nota yuran bertarikh 4 April 1997 tersebut. Sekiranya keterangan mengenai penyampaian nota yuran bertarikh 4 April 1997 adalah cukup jelas mengapakah perlunya satu permohonan dibuat oleh plaintif untuk memeriksa balas pengarah defendan pertama untuk menentukan penyampaian nota yuran di peringkat untuk mendapatkan penghakiman terus tersebut.

Berasaskan kepada perkara-perkara yang dinyatakan di atas, adalah jelas bahawa isu ini harus diperbicarakan dan tidak boleh ditentukan melalui keterangan afidavit sahaja.

Tindakan plaintif di sini adalah satu penyalahgunaan proses mahkamah

Adalah diperhatikan bahawa plaintif di sini telahpun memulakan guaman terhadap Dato' Peh Teck Quee melalui guaman D6. Apa yang jelas daripada bacaan pernyataan tuntutan plaintif dalam guaman D6 tersebut adalah bahawa Dato' Peh Teck Quee dikatakan telah bersetuju dengan yuran guaman sejumlah RM300,000 tidak termasuk perbelanjaan sampingan untuk perkhidmatan yang telah diberikan oleh plaintif bagi mendapatkan injunksi mandatori dalam Guaman No D5–22–395–1996. Kini plaintif memfailkan tindakan yang sama bagi perkhidmatan yang sama terhadap defendan pertama berasaskan nota yuran yang sama. Guaman D6 ini masih berterusan sehingga ke hari ini. Dua mahkamah yang berlainan dikehendaki membuat keputusan berkenaan dengan tanggungiawab defendan pertama dan Dato' Peh Teck Quee untuk membayar yuran guaman yang sama berasaskan nota yuran yang sama. Ini bukan sahaja akan meletakkan mahkamah ini dalam satu keadaan 'embarrasing' tetapi ia juga merugikan masa mahkamah ini. Dalam hal perkara ini, peguam plaintif menyatakan bahawa terdapatnya tindakan lain terhadap pihak ketiga

bernama Dato' Peh Teck Quee bagi tuntutan yuran guaman yang sama adalah tidak relevan kerana plaintif boleh menuntut ke atas pihak ketiga yang telah akujanji untuk membayar yuran guaman tersebut. Peguam plaintif seterusnya berhujah bahawa tindakan tersebut boleh dianggap sama seperti menuntut terhadap principal iaitu defendan pertama dan penjamin iaitu Dato' Peh Teck Quee di dalam tindakan yang berlainan. Dengan hormatnya saya tidak dapat menerima hujahan peguam plaintif berkenaan fakta bahawa wujudnya satu keadaan yang sama dengan situasi 'principal debtor' dan 'guarantor' tersebut. Harus diingat bahawa keterangan telah dikemukakan bahawa Dato' Peh Teck Quee bukanlah seorang pegawai defendan pertama. Tiada autoriti dalam halperkara ini dikemukakan oleh plaintif yang menunjukan kewujudan situasi 'principal debtor' dan 'guarantor' dalam kes ini. Apa yang jelas adalah saya mendapati tindakan plaintif ini adalah satu penyalahgunaan proses mahkamah.

Tuntutan plaintif adalah bertentangan dengan ss 116(2) dan 118 Akta Profesion Undang-Undang 1976

Menurut s 116(2) Akta tersebut menyatakan bahawa apa-apa perjanjian untuk yuran guaman ianya haruslah secara bertulis dan haruslah ditandatangani oleh anakguam dan di bawah s 118(1) Akta tersebut tiada tindakan boleh dimulakan berasaskan perjanjian yang dibuat di bawah s 116 Akta tersebut tetapi persoalan berkenaan dengan keesahan dan kesan perjanjian tersebut boleh diperiksa dan diputuskan oleh mahkamah.

Dalam kes ini menurut plaintif, yuran guaman ini telah dipersetujui oleh seorang bernama Dato' Peh Teck Quee dan berikutan dengan ini mereka telah menyatakan dalam nota yuran mereka bertarikh 4 April 1997 perkataan 'agreed fees' pada bahagian akhir nota yuran mereka (sila rujuk eksh KJQA-2 dalam afidavit plaintif bertarikh 17 Ogos 2001). Walau bagaimanapun berdasarkan keterangan yang diberikan oleh defendan pertama adalah jelas bahawa tiada perjanjian bertulis wujud di antara defendan pertama dan plaintif berkenaan dengan yuran yang dikatakan dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Defendan pertama menyatakan bahawa Dato' Peh Teck Quee bukanlah seorang pengarah defendan pertama atau orang yang diberi kuasa oleh defendan pertama dan beliau tidak pernah diarahkan oleh defendan pertama untuk bersetuju berkenaan yuran guaman bagi pihak defendan pertama. Tiada apa-apa dokumen bertulis lain yang dikemukakan oleh plaintif sebagai keterangan yang menunjukkan bahawa wujudnya perjanjian mengenai yuran guaman yang dikatakan oleh plaintif. Menurut kes *Chamberlain v Boodle & King (a firm)* [1982] 3 All ER 188 telah diputuskan bahawa perjanjian mengenai yuran guaman di antara anakguam dan peguam hendaklah spesifik dan terma-terma perjanjian tersebut haruslah jelas. Dalam kes ini jelas sekali terma-terma perjanjian mengenai yuran guaman tersebut (sekiranya wujud) adalah langsung tidak jelas. Ianya memang tidak menepati kehendak peruntukan s 116(2) Akta tersebut. Jika pun andaian dibuat bahawa terdapatnya perjanjian bertulis di antara defendan pertama dan plaintif berkenaan dengan yuran guaman, namun plaintif masih tidak boleh membawa tindakan ini disebabkan tuntutan ini adalah untuk pembayaran yuran guaman dan bukannya satu

tuntutan untuk menentukan keesahan perjanjian berkenaan yuran guaman atau kesan perjanjian tersebut seperti yang diperuntukkan di bawah s 118(1) Akta tersebut. Justeru itu, tindakan ini adalah salah di sisi undang-undang dan ianya tidak boleh dipertahankan.

Amaun yang dituntut oleh plaintif adalah terlalu eksesif

Sekiranya memang terdapat perjanjian yuran guaman di antara defendan pertama dengan plaintif adalah pendapat saya bahawa amaun yang dituntut oleh plaintif di sini adalah terlalu eksesif dan langsung tidak berpatutan dengan perkhidmatan yang diberikan oleh plaintif. Adalah didapati bahawa secara keseluruhannya plaintif mengenakan yuran guaman sejumlah RM847,834.60 (RM320,868.60 + RM526,966) untuk mengendalikan guaman tersebut bagi defendan pertama. Amaun ini sendiri menunjukkan bahawa ianya adalah terlalu eksesif dan luar biasa dan sekiranya nota yuran plaintif itu dihalusi adalah didapati bahawa ianya tidak berpatutan dengan perkhidmatan yang diberikan oleh plaintif. Justeru itu, berasaskan peruntukan s 118(3) Akta tersebut, mahkamah ini boleh memutuskan bahawa perjanjian yuran guaman tersebut adalah terbatal dan mengarahkan yuran guaman yang dialami itu dicukaikan menurut kaedah-kaedah yang sedia ada seolah-olah perjanjian yuran guaman tersebut tidak wujud.

Rayuan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Lim Lee Na